



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR,
TINGKAT 8 DAN 11, LOT 20485,
MENARA TABUNG HAJI,
JALAN AYER MOLEK,
80720 JOHOR BAHRU

Telefon : 07-2249244/2239318
Faks : 07-2239322
Laman web : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANM.JHR.100-9/2/6(3)
Tarikh : 2 Januari 2023
9 Jamadil Akhir 1444H

**KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB JABATAN
PERSEKUTUAN NEGERI JOHOR**

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI JOHOR
BIL. 1 TAHUN 2023: PENYELARASAN KOD VENDOR BANK BAGI AKAUN
TERIMAAN PEJABAT PERAKAUNAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran BPOPP Bilangan 7 Tahun 2022 bertarikh 15 Jun 2022 adalah juga berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa, selaras dengan strategi pelaksanaan semakan tambahan (*second validation*) bagi pembayaran Kerajaan pada masa hadapan, terdapat keperluan untuk penyelarasan penggunaan kod vendor gunasama bagi Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan. Perkara ini melibatkan senario bagi pembayaran oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) kepada PTJ yang lain melalui Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini dikemukakan maklumat kod vendor bagi setiap Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan seperti di Lampiran 1 untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan selanjutnya. Adalah diingatkan penggunaan dan pengwujudan selain dari kod vendor yang telah ditetapkan ini atau penggunaan *One Time Vendor* (OTV) adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan akan dikuiiri oleh pejabat ini. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi pegawai di Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan melalui telefon: 07-2249244 atau secara e-mel: ukpp_jhr@anm.gov.my.

4. Kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan untuk memastikan tindakan seperti di para 3 dipatuhi sepenuhnya amatlah diharapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A.(M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor

Lampiran 1

BIL	NAMA PEJABAT PERAKAUNAN	KOD VENDOR	KOD PEJABAT PERAKAUNAN
1	Jabatan Akauntan Negara Negeri Johor	6000568601	1001
2	Jabatan Akauntan Negara Negeri Kedah	6000568494	1002
3	Jabatan Akauntan Negara Negeri Kelantan	6000568600	1003
4	Jabatan Akauntan Negara Negeri Melaka	6000568558	1004
5	Jabatan Akauntan Negara Negeri Sembilan	6000568500	1005
6	Jabatan Akauntan Negara Negeri Pahang	6000568780	1006
7	Jabatan Akauntan Negara Negeri Pulau Pinang	6000568555	1007
8	Jabatan Akauntan Negara Negeri Perak	6000568501	1008
9	Jabatan Akauntan Negara Negeri Perlis	6000568499	1009
10	Jabatan Akauntan Negara Negeri Selangor	6000568565	1010
11	Jabatan Akauntan Negara Negeri Terengganu	6000568503	1011
12	Jabatan Akauntan Negara Negeri Sabah	6000568889	1020
13	Jabatan Akauntan Negara Cawangan Keningau	6000568410	1021
14	Jabatan Akauntan Negara Cawangan Sandakan	6000568502	1022
15	Jabatan Akauntan Negara Cawangan Tawau	6000568745	1023
16	Jabatan Akauntan Negara Cawangan Labuan	6000568602	1024
17	Jabatan Akauntan Negara Negeri Sarawak	6000568560	1030
18	Jabatan Akauntan Negara Cawangan Sri Aman	6000568352	1031
19	Jabatan Akauntan Negara Cawangan Sibu	6000568495	1032
20	Jabatan Akauntan Negara Cawangan Miri	6000563632	1033
21	Jabatan Akauntan Negara Cawangan Limbang	6000568746	1034
22	Jabatan Akauntan Negara Cawangan Sarikei	6000568114	1035
23	Jabatan Akauntan Negara Cawangan Kapit	6000568353	1036
24	Jabatan Akauntan Negara Cawangan Bintulu	6000568603	1037
25	Jabatan Perdana Menteri	6000568411	1101
26	Kementerian Kewangan	6000568748	1102
27	Kementerian Pengangkutan	6000568568	1103
28	Kementerian Kerja Raya	6000568906	1104
29	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	6000568412	1105

BIL	NAMA PEJABAT PERAKAUNAN	KOD VENDOR	KOD PEJABAT PERAKAUNAN
30	Kementerian Pertahanan	6000568413	1106
31	Kementerian Kesihatan	6000568557	1107
32	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	6000568905	1108
33	Kementerian Pendidikan Malaysia	6000238213	1109
34	Kementerian Dalam Negeri	6000568749	1110
35	Kementerian Luar Negeri	6000568886	1111
36	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	6000568566	1112
37	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	6000568559	1113
38	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	6000568556	1114
39	Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	6000568884	1115
40	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Hal.Ehwal Pengguna	6000569067	1116
41	Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi	6000568849	1118
42	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia	6000568885	1119
43	Kementerian Wilayah Persekutuan	6000568497	1120
44	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	6000568496	1121
45	Kementerian Sumber Manusia	6000568498	1122
46	Kementerian Belia Dan Sukan	6000568887	1123
47	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	6000568354	1124
48	Kementerian Pengajian Tinggi	6000568747	1125
49	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	6000568414	1127
50	Kementerian Alam Sekitar dan Air	6000568567	1129
51	Kementerian Perpaduan Negara	6000592049	1130